

Minta mahkamah isytihar pemilihan
24 April tidak sah

Tindakan 12 ahli UMNO lemahkan parti — Mahathir

UM 4 AUG 1987

Oleh
Mus Chairil Samani

ALUR GAJAH 13
Ogos — Presiden
UMNO, Datuk Sri Dr.
Mahathir Mohamad
menegaskan bahawa
tindakan 12 orang anggota
parti meminta mahkamah
mengisytiharkan pemilihan
24 April lalu sebagai tidak
sah akan melemahkan
parti.
Beliau berkata, kuasa
untuk menentukan nasib
UMNO kini telah terlepas
dari Majlis Tertinggi
UMNO dan berpindah ke
mahkamah untuk membuat
keputusan.
Perdana Menteri,
bagaimanapun tidak
menafikan hak 12 anggota
UMNO membawa isu itu
kepada mahkamah tetapi
sepatutnya dicari
penyelesaian terlebih
dahulu melalui Majlis
Tertinggi UMNO.
Berucap merasmikan
Wisma UMNO bahagian
Alur Gajah di sini petang
ini beliau berkata, tindakan
12 orang itu, tidak selari
dengan semangat UMNO
dan akan hanya
mengakibatkan
kehancuran parti.
Ini merupakan kali
pertama Perdana Menteri,
dalam perhimpunan
terbuka mengulas tindakan
12 orang anggota UMNO
membawa isu pemilihan
parti kepada mahkamah.
Presiden UMNO
menegaskan soal pemilihan
pucuk pimpinan parti
sepatutnya telah selesai
dengan tamatnya
perhimpunan lalu dan
anggota UMNO berusaha
untuk merapatkan
hubungan dan
menumpukan perjuangan
parti.

Tetapi sebaliknya, kata
Datuk Sri Dr. Mahathir,
kini terdapat pihak yang
mendakwa wujud dua parti
di dalam UMNO iaitu parti
51 peratus dan parti 49
peratus.
Tambah beliau, mereka ini
tidak berhenti - henti
berusaha
memecahbelahkan parti
dan kini meneruskan usaha
dengan niat buruk itu bagi
menghadapi pemilihan -
pemilihan yang akan
datang.
Mereka ini tidak
mengamalkan semangat
UMNO kerana sebagai
anggota UMNO mereka
sudah tentu akan
menggunakan peruntukan
dalam perlembagaan parti.
"Mereka kini bertindak
tanpa memperdulikan
nasib UMNO dan
kemungkinan UMNO akan
berpecah tidak langsung

diambil kira," tegas Datuk
Sri Dr. Mahathir.
Beliau mengingatkan
anggota UMNO bahawa
UMNO tidak kuat dari segi
kekayaan, kemampuan,
senjata dan pasukan untuk
mempertahankan keutuhan
parti.
Tambah beliau, asas
kekuatan UMNO terletak
kepada perpaduan di
kalangan 1.4 juta orang
anggota parti itu.
Presiden UMNO khuatir
UMNO akan runtuh dan
berpecah sekiranya
semakin ramai anggota
UMNO lupa pada
matlamat parti, asas - asas
kekuatannya dan sebab -
sebab kejayaannya.
Katanya, UMNO akan
ditimpa nasib serupa
dengan penjajah yang kini
terdapat saki baki tinggalan
mereka dalam bentuk
bangunan - bangunan lama

jika anggota - anggota parti
terus berpecah.
Kalau anggota UMNO,
tidak berwaspada, jelas
beliau, kemungkinan
UMNO mengalami nasib
serupa dengan bangunan -
bangunan UMNO pada
masa - masa akan datang
menjadi tanda wujudnya
sebuah parti kuat dari
peringkat pusat dan
kerajaan negeri pada suatu
ketika.
Menurut beliau lagi,
anggota UMNO harus
sedar bahawa tindak-
tanduk yang tidak
berpegang kepada
perjuangan parti akan
menghancurkan segala
perjuangan UMNO selama
ini